

17 JUL 1999

Mahathir-India

BANTAHAN BUBAR TABUNG BERUNSUR POLITIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa kumpulan tertentu telah menjadikan keputusan kerajaan membubar Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan sebagai isu politik semata-mata untuk membidas kepimpinan MIC.

"Memang ia bertujuan politik. Ia tidak ada kaitan dengan manfaat daripada tabung itu," kata beliau ketika ditanya sama ada kabinet telah membuat keputusan tergesa-gesa membubar tabung berusia 41 tahun itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung MCA ke 46 hari ini, Dr Mahathir berkata: "Nampaknya mereka lebih berminat untuk menghentam MIC. Ada sikit-sikit kebencian kepada kepimpinan MIC."

"Jadi, orang ini nak cari isu kerana nak hentam MIC dan mereka membuat ini sebagai isu."

Sambil memberi jaminan kepada kaum India bahawa kepentingan mereka tetap terpelihara walaupun tanpa tabung itu, Perdana Menteri berkata sebuah akhbar Tamil sentiasa memainkan isu itu untuk menimbulkan kemarahan di kalangan masyarakat itu.

Tanpa menamakan akhbar itu, Dr Mahathir berkata ia menggunakan isu berkenaan untuk tujuan politiknya, sama seperti yang dilakukan oleh beberapa akhbar Cina.

Selasa lepas, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 selepas satu kajian kerajaan pada 1993 menunjukkan bahawa lembaga yang menguruskan tabung itu tidak lagi menjalankan fungsi utamanya seperti yang termaktub dalam Akta Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar yang membentangkan rang undang-undang itu berkata semua kuasa, hak, kelebihan, duti, wang, tanah, aset hartanah, tanggungan dan tanggungjawab lembaga itu, akan diserahkan kepada kerajaan.

Lembaga itu yang mempunyai aset lebih RM5 juta, ditubuhkan pada 1 Sept 1958 oleh pihak British untuk menampung kos perjalanan pulang penduduk dari selatan India dan menampung keperluan tanggungan mereka di negara ini dengan memberikan bantuan kewangan bulanan.

Keputusan membubarkan tabung itu menimbulkan kemarahan beberapa badan bukan kerajaan yang mempunyai ramai anggota dari kaum India. Mereka mahu kerajaan menangguh pembubaran itu sehingga mereka dibawa berunding.

Dr Mahathir berkata tindakan pihak-pihak tertentu menentang pembubaran tabung itu mempunyai asas politik.

"Mereka nak mencari isu," kata Perdana Menteri.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan merampas harta yang dimiliki tabung itu.

"Kita juga akan memberi layanan kepada beberapa orang yang masih mendapat faedah daripada tabung ini," kata beliau.

Affifuddin dilaporkan berkata sebuah institut teknik akan didirikan di tanah seluas 6 hektar milik tabung itu di Nibong Tebal, Pulau Pinang manakala beberapa orang penghuni Rumah Orang Tua di tanah itu akan diserapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dr Mahathir meminta masyarakat India supaya jangan menjadikan pembubaran tabung itu satu isu sentimen.

"Kita bukan South Indian (rakyat selatan India) lagi, kita Malaysian (rakyat Malaysia)," kata beliau.

Kata beliau, kumpulan wang itu diwujudkan oleh pihak British untuk

membantu buruh selatan India yang menghadapi masalah.

"Masa itu memang tabung ini penting tetapi sekarang ini, nasib rakyat keturunan India sudah terbela dan mereka diberi layanan sebaiknya oleh kerajaan.

"Apakah kita nak kekalkan sesuatu yang dibuat oleh kuasa penjajah?" kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kerajaan sedia mendengar dan menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat India di negara ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permintaan masyarakat India.

"Apa masalah juga kita boleh selesai. Bagi tahu apa dia masalah," katanya.

Mengenai pertelingkahan antara MIC dan PPP, Dr Mahathir berkata: "Itu bukan perkara besar, tak sebesar pergesaran DAP dengan Keadilan dan DAP dengan PAS."

Katanya, pergesaran memang wujud dalam mana-mana parti-parti komponen BN tetapi ia kecil.

"Apabila pilihan raya diadakan, mereka akan merapatkan barisan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES MAI